

PENILAIAN SHARI'AH

1) PRODUK RUNCIT

A) Kad SIM

- Harga kos satu kad SIM keatas Pengedar (D) dan Sub Pengedar (SD) ialah RM7.80
- Harga jualan satu kad SIM daripada D dan SD kepada Pengguna (U) ialah RM10
- Maka, pengedar mendapat untung runcit jualan kad SIM sebanyak RM2.20

B) Kad Gantian SIM (SRP)

- Harga kos satu SRP keatas Pengedar dan Sub Pengedar SD adalah RM8
- Harga jualan satu SRP daripada Pengedar dan SD kepada pengguna adalah RM10
- Maka, pengedar mendapat untung runcit jualan SRP sebanyak RM2

PENILAIAN SHARIAH

- Akad ini adalah *jual beli musawamah/mutlak* di antara **One XOX (Syarikat) selaku penjual dan Pengedar dan SD selaku pembeli dan di antara Pengedar dan SD selaku penjual dan pengguna selaku pembeli.**
- Ianya merupakan akad di mana penjual tidak menyebut harga pokok dan keuntungan yang diperolehinya.
- Unsur redha meredhai (تَرَاضِي) telah dicapai.
- Akad ini dan juga keuntungan runcit jualan yang diperolehi adalah sah disisi syara'.

C) Tambah Nilai

- Harga kos tambah nilai ke atas D dan SD adalah berdasarkan kepada jumlah stok yang dibeli mengikut kelayakan diskaun/rebat di antara 2% hingga 5% seperti berikut:
 - Pembelian terus daripada Syarikat: RM500 dan ke atas sahaja layak mendapat diskaun/rebat 5%
 - Walau bagaimanapun, D dan SD boleh membeli stok pada jumlah yang lebih kecil daripada Area Distributor (AD):
 - RM100 hingga RM199 layak mendapat diskaun/rebat 2%
 - RM200 hingga RM399 layak mendapat diskaun/rebat 4%
 - RM400 dan ke atas layak mendapat diskaun/rebat 5%
- Harga jualan tambah nilai kepada U adalah berdasarkan pada nilai muka.
- Maka, D dan SD mendapat untung runcit jualan tambah nilai di antara 2% hingga 5%

PENILAIAN SHARIAH

- Diskaun jualan tambah nilai adalah berdasarkan **rebat** (**إِبْرَاء**) daripada pihak penjual iaitu Syarikat.
- Pemberian rebat tersebut menjadi hak pihak penjual iaitu Syarikat.
- Akad ini adalah **jual beli musawamah/mutlak** di antara **Syarikat selaku penjual dan D dan SD selaku pembeli** dan **di antara D dan SD selaku penjual dan U selaku pembeli**.
- Ianya merupakan akad di mana penjual tidak menyebut harga pokok dan keuntungan yang diperolehinya.
- Unsur redha meredhai (**تَرَاضِي**) telah dicapai.
- Akad ini adalah sah disisi syara'.

2. PELAN PERNIAGAAN PENGEDAR

A) Pelantikan SD oleh D menggunakan sistem PIN/Pakej SD.

- PIN mesti digunakan oleh D untuk mendaftar U yang ingin menjadi SD.
- PIN sebagai Pakej SD didatangi dengan 5 keping kad SIM di mana mempunyai nilai masa berbual RM5 serta 150 SMS setiap bulan selama 12 bulan yang bernilai RM10 setiap satu.
- Harga kos D untuk membeli PIN daripada Main Distributor (MD) atau Area Distributor (AD) ialah RM85
- Harga jualan Pakej SD daripada D kepada U ialah RM90
- Maka, D mendapat untung runcit ke atas jualan Pakej SD sebanyak RM5

PENILAIAN SHARIAH

- **Pembelian PIN oleh D daripada MD atau AD dan penjualan Pakej SD daripada D kepada U** adalah berdasarkan *akad jual beli mutlak ataupun musawamah*. PIN/Pakej SD adalah barang pembelian (*المعقود عليه*) dalam transaksi ini.
- Akad ini adalah sah dari sudut Shariah.

Selain 5 keping kad SIM yang telah dinyatakan, Pakej SD bernilai RM90 ini juga merangkumi:

i. Caj sewaan sistem 'Onesys' seumur hidup sebanyak RM15 oleh Syarikat.

Kemudahan Onesys:

- Membuat pendaftaran pengguna baru
- Membuat tambah nilai kepada pengguna
- Membuatkan pendaftaran mengekalkan nombor lama pengguna (MNP)
- Membeli stok tambah nilai
- Memindahkan stok tambah nilai kepada pengedar-pengedar lain
- Menjual tambah nilai kepada pengguna
- Mempamerkan rekod-rekod jualan tambah nilai
- Mempamerkan bilangan dan maklumat pengguna
- Mempamerkan maklumat insentif pengedar
- Mempamerkan jaringan perniagaan yang terbina
- Menyediakan panduan-panduan sebagai pengedar
- Menyediakan reka bentuk risalah, banner untuk dicetak sendiri
- Menyediakan ruang maklumat pewaris

ii. Insentif sebanyak RM20 akan diberikan kepada D yang telah membuat pendaftaran SD baharu. Insentif ini diberi atas usaha yang dilakukan dan sebagai penghargaan Syarikat kepada D yang telah mempromosi dan memberi penjelasan berkaitan produk serta pelan perniagaan. Selain itu, rasional pemberian insentif ini juga adalah kerana D turut mengeluarkan kos dalam usaha mereka dalam menyampaikan penerangan kepada bakal SD.

PENILAIAN SHARIAH


Bagi item pertama (i):

- RM15 daripada jumlah RM90 yang dibayar oleh SD baharu merupakan bayaran sewaan seumur hidup terhadap sistem Onesys melalui akad **sewa** (*إِجَارَةٌ*)
- Akad ini adalah sah di sisi syara'.

Bagi item kedua (ii):

- Insentif sebanyak RM20 yang diberi kepada D adalah **upah** (*أُجْرَةٌ*) ke atas usaha promosi yang telah dilakukan selain bertindak mewakili syarikat untuk mendaftarkan SD baharu.
- Akad pengedar dengan syarikat adalah ejen (*وَكَالَةٌ*), pengedar berhak mendapat upah sebagai ejen (*أُجْرَةُ الْوَكَالَةِ*).
- Akad wakalah ini ialah akad di mana pengedar sebenarnya membawa **jenama**, ataupun '**brand**' onexox. Bukannya wakalah untuk menjual barang seperti ajen dropship yang tidak memerlukan modal, kerana barang itu (simkad dan e recaj) sebenarnya dibeli daripada onexox.
- Maka, sesiapa yang menjadi wakil untuk membawa jenama atau brand onexox, mereka adalah layak untuk menerima hibah bersyarat.
- Ini bermaksud, bukan semua orang Malaysia sewenang-wenangnya boleh menjadi wakil onexox, kecuali mereka yang dilantik untuk membawa jenama atau "brand" onexox ataupun dengan kata lain, mereka yang layak sahaja boleh membawa jenama onexox.
- Dalam Shariah ianya dinamakan (*حقوق مالية*) hak harta tidak ketara, atau intangible seperti nama buku, nama syarikat, nama logo, moto, semua ini diiktiraf dalam Islam, iaitu anda mempunyai hak untuk membawa **jenama** onexox setelah syarikat menerima permohonan anda untuk menjadi dealer, dengan membayar sebanyak RM90 serta mengisi borang.
- Akad ini adalah sah di sisi syara'.

B) Sub Pengekar (SD)



Keterangan gambarajah:

- SD menjual & mendaftarkan kad SIM pengguna (U). SD mendapat untung jualan RM2.20. Keuntungan ini dipanggil sebagai **untung runcit**.
- Apabila U membeli tambah nilai secara langsung daripada SD sebanyak RM10, SD secara langsung mendapat untung dari jualan tambah nilai sebanyak diantara 2% hingga 5% daripada jumlah yang dibeli oleh U. Keuntungan ini dipanggil sebagai **untung runcit**.
SD juga layak direkodkan bakal mendapat pembayaran daripada Syarikat sebanyak 10% daripada tambah nilai yang dibuat oleh U. Pembayaran ini dipanggil sebagai **insentif**.
- Sekiranya U tidak membeli tambah nilai daripada SD, sebaliknya membeli tambah nilai daripada mana-mana pengekar ONEXOX yang lain atau pihak ketiga seperti 7-Eleven, terminal-terminal E-pay atau lain-lain pusat jualan yang diiktiraf oleh syarikat, maka SD tidak mendapat untung runcit kerana tidak membuat jualan secara langsung.
Walau bagaimanapun, SD layak direkodkan bakal mendapat pembayaran daripada Syarikat sebanyak 10% daripada tambah nilai yang dibuat oleh U. Pembayaran ini dipanggil sebagai **insentif**.

d) Pada 15 haribulan didalam bulan yang berikutnya (hari bekerja), Syarikat akan membayar insentif 10% kepada SD yang telah **menepati syarat** keatas jumlah keseluruhan tambah nilai yang telah dibuat oleh kesemua U (yang pernah didaftarkan oleh SD) didalam tempoh bulan semasa.


PENILAIAN SHARIAH

- **Untung runcit** sebanyak RM2.20 keatas jualan kad SIM dan 2% hingga 5% keatas jualan tambah nilai adalah untung atas jualbeli secara *musawamah*.
- Insentif (*hibah*) sebanyak 10% yang diperolehi SD pada setiap 15 haribulan, bulan-bulan berikutnya keatas U yang telah didaftarkan adalah berdasarkan konsep **Hibah Bersyarat** (*هَيْبَةٌ بِشَرَطٍ*) iaitu hadiah daripada Syarikat kepada pengedarnya setiap kali berjaya **menepati syarat** yang ditetapkan.

C) Pengedar (D)

- Iaitu SD yang telah berjaya mendaftarkan 20 pengguna (U) dimana setiap U telah membuat tambah nilai/topup minimum sebanyak RM5.

Manfaat Insentif Sebagai D:



Keterangan gambarajah:

- a) **D** beroleh insentif **10%** daripada jumlah tambah nilai U yang telah didaftarkan oleh **D** pada **lapis 1**.
- b) **D** beroleh insentif **2%** daripada jumlah tambah nilai U yang telah didaftarkan oleh **D1** pada **lapis 2**.
- c) **D** beroleh insentif **2%** daripada jumlah tambah nilai U yang telah didaftarkan oleh **D2** pada **lapis 3**.
- d) **D** beroleh insentif **1%** daripada jumlah tambah nilai U yang telah didaftarkan oleh **D3** pada **lapis 4**.

PENILAIAN SHARIAH

- Pelan insentif pengedar ini adalah berdasarkan konsep **Hibah Bersyarat (هبة بشرط)** iaitu hadiah dari syarikat kepada pengedarnya setiap kali berjaya menepati syarat yang ditetapkan.
- Hibah ini berdasarkan pencapaian dan peranan D kerana berjaya melantik SD serta U didalam rangkaian perniagaannya.
- Akad ini adalah sah disisi syara'.

D) Syarat Kelayakan Penerimaan Insentif Yang Berterusan (Hibah Bersyarat)

- Semua pengedar mesti membuat:
 - pendaftaran kad SIM minima 100 orang pengguna berserta tambah nilai minima RM5 setiap seorang dalam setiap tempoh 6 bulan; ATAU
 - jualan e-recharge minima RM500 dalam setiap tempoh 6 bulan.
- Memastikan nombor telefon yang didaftarkan sebagai pengedar tidak ditamatkan perkhidmatan.

PENILAIAN SHARIAH

- Akad ini adalah berdasarkan konsep Hibah Bersyarat (هبة بشرط) iaitu hadiah daripada Syarikat kepada pengedar-pengedarnya setiap kali berjaya menepati syarat yang telah ditetapkan.
- Pengedar harus memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Syarikat untuk menerima 'over riding incentive'.
- 'Over riding incentive' ialah situasi di mana semua pengedar boleh mendahului pendapatan pengedar yang telah mendaftarkan mereka.
- Semua ini bergantung kepada usaha, kerajinan, kesungguhan serta pencapaian pengedar-pengedar. Justeru, tiada elemen pihak atas sentiasa meraih hasil kerja pihak lapisan bawahnya tanpa sebarang kerja. Juga tiada elemen skim piramid di mana pihak atas akan sentiasa memperolehi jumlah pendapatan yang lebih banyak daripada pihak di bawahnya.
- Akad ini adalah sah disisi syara'

E) E-recaj Penedar Yang Telah Ditamatkan Kontrak:

- Situasi ini adalah khusus kepada penedjar-penedjar yang telah ditamatkan kontrak dan tidak lagi boleh membuat kerja-kerja sebagai penedjar; dalam masa yang sama juga stok E-recaj yang telah dibeli penedjar masih lagi berbaki dan wujud dalam sistem.
- E-recaj tersebut akan lupus sekiranya bekas penedjar tidak membuat sebarang rundingan atau usaha dengan pihak Syarikat untuk **mencairkannya** mengikut tempoh waktu yang diberikan. ‘Mencairkan’ **bukan** bermaksud Syarikat akan membuat pemulangan wang atau membayar sebarang ganti rugi, tetapi syarikat akan membantu penedjar memudahkan urusan pemindahan E-recaj kepada pihak yang lain.

PENILAIAN SHARIAH

- Penedjar sebenarnya mempunyai hak dan segala kemudahan serta ruang untuk mencairkan E-recaj tersebut sebelum tamat tempohnya dan hal ini telah dimaklumkan kepada penedjar melalui notis pada bahagian E-recaj didalam Onesys.
- Oleh kerana itu, jika penedjar tidak mencairkan E-recaj tersebut, maka syarikat tidak lagi akan bertanggungjawab untuk menguruskannya.
- Walau bagaimanapun, pihak Syarikat bersedia untuk berunding ke atas kes kematian. Bagi kes kematian, waris perlu membawa isu ini kepada pihak Syarikat untuk rundingan. Sekiranya waris gagal, maka syarikat juga tidak lagi akan bertanggungjawab untuk menguruskannya.
- Jika waris tidak mengambil tindakan yang sedemikian, E-recaj tersebut akan dilupuskan kerana tiada wujud jaminan pulangan wang.
- Dalam Islam, ini adalah berdasarkan konsep tolong-menolong (*ta’awun*), bertoleransi (*tasamuh*) di antara pihak syarikat dan penedjar.

F) Pengedar Yang Telah Meninggal Dunia:

- Maklumat perbankan didalam Onesys adalah nama dan butiran pengedar.
- Pengedar perlu memasukkan nama dan butiran salah seorang waris sebagai pemegang amanah (*beneficiary*) untuk meneruskan perniagaan pengedar atau sebagai penama sah yang akan membuat sebarang rundingan dengan pihak Syarikat sekiranya pengedar meninggal dunia.
- **Pilihan pertama:** Jika waris ingin meneruskan perniagaan, maka perniagaan ini telah menjadi hak milik waris secara bersama dengan pewaris yang lain. Namun begitu, Syarikat hanya akan berurusan dengan seorang penama sahaja.
- **Pilihan kedua:** Jika waris tidak berhasrat untuk meneruskan perniagaan, waris berhak menuntut **insentif yang menepati syarat** daripada Syarikat. Apabila rundingan telah berjaya, urusan diantara Syarikat dan waris dianggap telah selesai. Sebagai pemegang amanah, adalah menjadi tanggungjawab waris untuk membahagikan wang insentif yang diterima secara *faraid* kepada pewaris-pewaris lain yang berhak menerima bahagiannya.

G) Akaun Perbankan Islam:

- Syarikat mewajibkan semua pengedar (Muslim dan bukan-Muslim) menggunakan akaun perbankan Islam daripada mana-mana institusi perbankan yang wujud di dalam Malaysia untuk urusan pembayaran hibah dan sebarang urusanniaga lain.

PENILAIAN SHARIAH

- Kewajipan ini bertujuan agar sebarang pembayaran hibah serta urusan jual beli lain di antara Syarikat dan pengedar-pengedar tidak menyokong secara langsung atau tidak langsung dengan sebarang aktiviti perbankan konvensional yang melibatkan urusan *riba*. Ini adalah kerana sebarang duit yang masuk ke dalam akaun perbankan konvensional akan/boleh digunakan oleh pihak institusi perbankan untuk memberi pinjaman secara *riba* kepada pihak yang lain. Atas dasar tersebut, sebagai sebuah syarikat telekomunikasi yang patuh Shariah, Syarikat tidak akan sama sekali terlibat sebarang transaksi yang melibatkan urusan *riba*.

H) Caj kesalahan mendaftar nombor pengguna

- Jika sekiranya kesalahan itu adalah disengajakan, pengedar akan ditamatkan status pengedar secara mandatori.
- Jika pengedar “terdaftar, caj RM20 akan dimansuhkan, dan digantikan dengan RM300.
- Jika pengedar tidak membayarnya, insentif (**hibah**) akan dipotong secara beransur-ansur sehingga selesai pembayaran tersebut.
- Jika syarikat tersilap memberi dua nombor ketika pembelian, syarikat akan merundingkan hal ini secara “case by case”.

PENILAIAN SHARIAH

- Ini adalah sebagai denda (*gharamah*), kerana kecuaiannya menjalankan kerja-kerja sebagai pengedar.

D) Caj pertukaran nombor DREG

- Caj sebanyak RM100 akan dikenakan jika pengedar ingin menukar nombor untuk mendaftarkan pengguna.

PENILAIAN SHARIAH

- Ini adalah kos perkhidmatan ataupun *ujrah*.

Disediakan oleh:

.....

Mohd Bukhari bin Mansin

(Eksekutif Syariah/ Setiausaha Jawatankuasa Penasihat Syariah ONEXOX SDN BHD)

Disemak oleh:

.....

Dr. Zaharuddin bin Abdul Rahman

(Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah ONEXOX SDN BHD)